



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN MODUL PEMBENTUKAN AMALAN PROFESIONALISME TERHADAP AMALAN PROFESIONALISME GURU PRA PERKHIDMATAN

NOREDAYU BINTI ARIFF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN) (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti kesan penggunaan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme ke atas amalan profesionalisme dalam membentuk personaliti, sahsiah dan kepimpinan guru pra perkhidmatan. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang mengaplikasikan reka bentuk eksperimen kuasi teknik pra ujian-pasca ujian dengan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Bagi kumpulan kawalan, kaedah kuliah dilaksanakan ketika pengajaran dan pembelajaran. Bagi kumpulan rawatan, kaedah penggunaan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme dilaksanakan ketika pengajaran dan pembelajaran. Data tahap amalan profesionalisme dikumpulkan dengan pelaksanaan ujian pra dan ujian pasca, menggunakan instrumen ujian kajian kes. Seramai 70 orang guru pra perkhidmatan dipilih sebagai subjek kajian melalui kaedah pensampelan *intact class* dari program ISMP Keusahawanan dan Perdagangan ($n=35$) dan program ISMP Pengurusan Perniagaan ($n=35$). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan berdasarkan nilai $t(34),p=0.00)=16.14,p<0.05$. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan berdasarkan nilai $t(34),p=0.00)=23.74,p<0.05$. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan ($M=4.40$, $SD=1.61$) dan bagi kumpulan rawatan ($M=10.40$, $SD=2.59$) berdasarkan nilai $t(68,p=0.00)=11.63,p<0.05$. Kesimpulannya kajian ini menunjukkan bahawa kaedah penggunaan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme dapat meningkatkan amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan. Implikasi kajian ini menunjukkan kaedah penggunaan modul memberi kesan positif kepada amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan dan sesuai digunakan sebagai alternatif pengajaran dan pembelajaran dalam pembentukan amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan.





THE EFFECT OF THE *MODUL PEMBENTUKAN AMALAN PROFESIONALISME* ON PROFESSIONALISM PRACTICE AMONG PRE-SERVICE TEACHERS

ABSTRACT

The objective of this study is to identify the effect of using the *Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme* on professionalism practice in developing personality, behaviour and leadership of pre-service teachers. A quantitative approach using quasi-experimental design of pre-test, post-test techniques with control groups and treatment groups method was applied in this study. For the control group, lecture method was implemented during teaching and learning. The contrast to the control group, *Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme* was implemented during teaching and learning for the treatment group. The collection of data in regards to the professionalism practice utilizes a case study in pre-test and post-test techniques. A total of 70 pre-service teachers were selected as the subject of this study using intact sampling from the BEd in Entrepreneurship and Commerce ($n=35$), and the BEd in Business Management ($n=35$). The findings show there was a significant difference in the mean scores of pre-test and post-test for control groups according to value $t(34), p=0.00)=16.14, p<0.05$. The findings show there was a significant difference in the mean scores of pre-test and post-test for treatment groups according to value $t(34), p=0.00)=23.74, p<0.05$. The findings show there was a significant difference in mean scores of pre-test and post-test for control groups ($M=4.40, SD=1.61$) and for treatment groups ($M=10.40, SD=2.59$) according to value $t(68, p=0.00)=11.63, p<0.05$. The conclusion showed that the teaching and learning using the *Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme* could improve the professionalism practice of pre-service teachers in terms of personality, behaviour and leadership. Thus, the implication of this research study corroborate that by utilizing the modular method has a positive impact on the professionalism practice of pre-service teachers in the terms of personality, behaviour and leadership and as such, it is advisable to be used as an alternative teaching and learning in the development of professional pre-service teacher professionalism.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Hipotesis Kajian	19
1.7 Kerangka Teori Kajian	20
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	24
1.9 Kepentingan Kajian	27
1.10 Batasan Kajian	29



**Muka Surat**

1.11 Definisi Operasional	32
1.11.1 Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP)	32
1.11.2 Pengajaran dan Pembelajaran	33
1.11.3 Keberkesanan	34
1.11.4 Domain afektif	34
1.11.5 Personaliti	35
1.11.6 Kepimpinan	35
1.11.7 Profesionalisme	36
1.11.8 Guru Pra Perkhidmatan	36
1.11.9 Kumpulan Rawatan	37
1.11.10 Kumpulan Kawalan	37
1.12 Rumusan	38

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	39
2.2 Kerangka Teori	40
2.3 Model Standard Guru Malaysia	40
2.3.1 Model Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan	44
2.4 Teori Kepimpinan Guru	47
2.4.1 Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller	50
2.4.2 Teori Kepimpinan Guru York-Barr dan Duke	55
2.4.3 Teori Kepimpinan Guru Fairman dan Mackenzie	57



**Muka Surat**

2.5	Teori Personaliti	60
2.5.1	Teori Personaliti Big Five	63
2.5.2	16 Faktor Personaliti Raymond Cattell's	67
2.5.3	Teori Personaliti Hans Eysenck	69
2.6	Teori Pembelajaran	72
2.6.1	Pembelajaran Akses Kendiri (Self Directed Learning)	75
2.6.2	Pendekatan Pembelajaran Berkumpulan (Cooperative Learning Approach)	77
2.6.3	Teori Andragogi Knowles	79
2.6.4	Teori Perkembangan Kognitif Vygotsky	82
2.7	Profesionalisme Guru	84
2.8	Isu Dan Cabaran Profesionalisme Guru	91
2.9	Pengajaran dan Pembelajaran Berpandukan Modul	97
2.10	Rumusan	106

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	107
3.2	Reka Bentuk Kajian	108
3.2.1	Ringkasan Kumpulan	110
3.3	Populasi dan Persampelan	112
3.4	Instrumen Kajian	113
3.4.1	Ujian Pra dan Ujian Pasca	113



**Muka Surat**

3.5	Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP)	115
3.6	Kaedah Kuliah	121
3.7	Kajian Rintis	122
3.7.1	Kesahan Kajian	134
3.7.2	Kebolehpercayaan Kajian	137
3.8	Prosedur Pemungutan data	140
3.9	Kawalan Ancaman	144
3.9.1	Kesahan Dalaman	144
3.9.2	Kesahan Luaran	149
3.10	Analisis Data	152
3.11	Rumusan	155

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	155
4.2	Dapatan Keputusan Ujian Pra	158
4.3	Persoalan Kajian Satu	159
4.4	Pengujian Hipotesis 1	161
4.5	Pengujian Hipotesis 2	162
4.6	Pengujian Hipotesis 3	164
4.7	Ringkasan bagi Hipotesis Kajian 1-3	167
4.8	Rumusan	168



**Muka Surat****BAB 5****PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	169
5.2	Ringkasan Kajian	170
5.3	Perbincangan	173
5.3.1	Tahap Amalan Profesionalisme Yang Sedia Ada Dalam Kalangan Guru Pra Perkhidmatan Dalam Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan	173
5.3.2	Keberkesanan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) Terhadap Amalan Profesionalisme Guru Pra Perkhidmatan	177
5.4	Implikasi Kajian	183
5.4.1	Implikasi Teoritikal	183
5.4.2	Implikasi Praktikal	185
5.4.3	Sumbangan Kajian Terhadap Teori	189
5.5	Cadangan	195
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	199
5.7	Kesimpulan	202

RUJUKAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Jadual Pengajaran dan Pembelajaran Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme	120
3.2 Jadual Pengajaran dan Pembelajaran Kaedah Kuliah	122
3.3 Kesahan Kandungan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme	134
3.4 Kesahan Kandungan Item Soalan Ujian dan Bahasa	136
3.5 Pembahagian Skor Amalan Profesionalisme Guru Pra Perkhidmatan	152
3.6 Analisis Data	154
4.1 Ujian Levene untuk Kesamaan Varian dan Nilai t	158
4.2 Skor Tahap Amalan Profesionalisme Sedia ada Dalam Kalangan Guru Pra Perkhidmatan	160
4.3 Perbandingan Skor Min Amalan Profesionalisme (Kumpulan Kawalan)	161
4.4 Perbandingan Skor Min Amalan Profesionalisme (Kumpulan Rawatan)	163
4.5 Perbandingan Peningkatan Skor Min Amalan Profesionalisme Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	165
4.6 Ringkasan Keputusan Hipotesis	167





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	25
1.2 Model Standard Guru Malaysia	43
1.3 Model Amalan Nilai Profesional Keguruan	44
3.1 Reka Bentuk Kajian dan Analisis	109
3.2 Ringkasan Pelaksanaan Kajian yang Melibatkan Ujian Pra dan Ujian Pasca	110
3.3 Kerangka Pembinaan Modul Sharifah Alwiah Alsagoff	118
3.4 Prosedur Pemungutan Data	143





SENARAI SINGKATAN

FPE	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
MPAP	Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSPTN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
ZPP	Zon Perkembangan Proksimal





SENARAI LAMPIRAN

- A Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme
- B Surat Pengesahan Pakar
- C Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme oleh Pakar
- D Borang Soal Selidik Kesahan Aktiviti Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme dan Komen, Ulasan dan Cadangan oleh Pakar
- E Kesahan Pakar Konten dan Bahasa Instrumen Kajian
- F Jadual Nilai Cronbach's Alpha Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme
- G Jadual Nilai Cronbach's Alpha Aktiviti Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme
- H Jadual Nilai Cronbach's Alpha Intrumen Kajian
- I Komen, Ulasan dan Cadangan Subjek Kajian Rintis Instrumen Kajian Soalan Ujian Kajian Kes
- K Skema Jawapan Soalan Ujian Kajian Kes dan Rubrik Permakanan
- L Kesahan Pakar Rubrik Permakanan
- M Skor Ujian Pra dan Skor Ujian Pasca Amalan Profesionalisme Guru Pra Perkhidmatan
- N Kesahan Pakar Semakan Ujian Pra dan Pasca
- O Soal Selidik Kajian Rintis Kebolehpercayaan Aktiviti Modul dan Keberkesanan PdP Menggunakan Modul





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam abad ke-21 ini, kualiti dan mutu dalam pendidikan guru amatlah penting. Isu kualiti atau mutu dalam pendidikan guru ini banyak dibincangkan dalam forum dan seminar masa kini berbanding dengan masa lalu (Wiseman & Al-bakr, 2013). Perkembangan pendidikan terkini yang begitu pesat, mencabar dan canggih memerlukan perhatian yang serius dalam kalangan pendidik. Pelaksanaan reformasi pendidikan menuntut pendidik mereformasikan diri ke arah pandangan, sikap dan daya usaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar yang terkini demi mempertingkatkan keupayaan dan prestasi dalam bidang kerjaya yang kian mencabar ini (Lombardi, 2016)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memberi penekanan kepada usaha peningkatan profesionalisme guru bagi menghasilkan pendidikan yang berkualiti. Dalam membina amalan profesionalisme guru, mereka perlu mempunyai konsep kendiri untuk menerima sebarang perubahan kurikulum (Goodson & Hargreaves, 2003). Guru haruslah menjaga nama baik profesi keguruan agar profesi ini terus dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan amanah yang dipikul (Ibrahim, 2002). Ini kerana profesi keguruan berada di barisan paling hadapan dalam pembinaan generasi masa hadapan negara.

Setiap individu yang bergelar guru pra perkhidmatan mestilah mempunyai kualiti seperti berilmu, berpengetahuan, berfikiran terbuka, berdisiplin dan berperikemanusiaan apabila menghadapi sesuatu cabaran (McCrae, 2011; Rock et al., 2016). Tanggungjawab guru pra perkhidmatan amat besar dalam mendidik anak bangsa untuk berjaya dalam semua bidang mata pelajaran. Peranan seseorang guru pra perkhidmatan pada masa hadapan, bukan sahaja untuk mendidik pelajar dalam mata pelajaran yang akan diajar malah guru pra perkhidmatan boleh dianggap sebagai pakar dalam bidang pengajaran serta dapat berkomunikasi dengan pelajar-pelajar berkaitan semua mata pelajaran (Newton & Newton, 2014). Ini kerana peranan guru pra perkhidmatan amatlah besar, bukan sahaja mencorakkan masa depan pelajar-pelajarnya bahkan menjadi suri teladan kepada mereka.

Oleh sebab transformasi pendidikan negara berubah dengan begitu drastik, maka program penyediaan guru memainkan peranan penting untuk melahirkan guru pra perkhidmatan yang berkualiti dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan





sahsiah dalam amalan profesionalisme selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) dan Falsafah Pendidikan Guru (1988). Menurut Weber dan Johnsen (2012) dalam konteks keguruan, profesionalisme seseorang guru dinilai dari aspek tingkah laku guru. Sikap dan nilai yang ditonjolkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mempengaruhi pemahaman pelajar dalam pembelajaran.

Vanassche dan Kelchtermans (2014) berpendapat, amalan profesionalisme guru ini dilihat sebagai satu langkah penyediaan yang perlu dibentuk oleh guru pra perkhidmatan untuk memastikan dunia pendidikan menerima hanya guru yang berkualiti sebagai pendidik. Melengkapkan diri guru pra perkhidmatan dengan amalan profesionalisme guru adalah sangat penting sebagai persediaan awal untuk menjadi guru dalam perkhidmatan (Vanassche & Kelchtermans, 2014). Hal ini demikian kerana amalan profesionalisme mempunyai konsep yang penting membolehkan guru pra perkhidmatan ini menjadi guru yang berkualiti.

Justeru, amat penting bagi institusi-institusi penyediaan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran, kursus, seminar atau bengkel bagi menghasilkan sumber manusia dan guru pra perkhidmatan yang bukan sahaja berpengetahuan, berketerampilan, bahkan memiliki profesionalisme pada tahap yang terbaik (Cook, 2002). Selain itu, pembentukan amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan secara berterusan perlu diberikan keutamaan bagi memastikan mereka terus diterapkan dengan aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan yang sewajarnya bagi memastikan mereka terus kekal berkualiti.





1.2 Latar Belakang Kajian

Aspek profesionalisme adalah jelas dalam amalan seorang pendidik yang profesional. Konsep profesionalisme ini telah diterokai oleh Hoyle (1974), Sockett (1993), Shulman (1997) dan Fenstermacher (2001). Konsep profesionalisme terbuka kepada tafsiran dan makna yang dikongsi secara menyeluruh. Terdapat banyak wacana bertindih yang mempunyai tafsiran yang berbeza. Menurut Hargreaves (2000), terdapat empat peringkat memupuk tahap profesionalisme. Peringkat pertama ialah pra profesional, peringkat yang kedua ialah tahap profesional yang berautonomi atau berdikari, peringkat yang ketiga ialah tahap profesional yang berkolaborasi dan peringkat yang keempat ialah peringkat pasca profesional.



Profesionalisme adalah struktur yang melibatkan pelbagai tingkah laku atau personaliti seseorang dalam mencapai standard yang tinggi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan (Sockett, 1993). Dalam konteks perguruan juga, sifat-sifat personaliti yang positif, iaitu yang baik, sesuai, berkesan dan mulia yang perlu ada pada seseorang guru atau ahli profesional keguruan adalah merujuk kepada personaliti seseorang guru (Schepens, Aelterman, & Vlerick, 2009). Personaliti guru juga memainkan peranan penting kerana ia memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran untuk menarik perhatian pelajar. Konsep amalan profesionalisme di dalam kajian ini berkaitan dengan bertindak secara profesional, iaitu apa yang guru lakukan, kelakuan, cara, sikap dan prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang membimbang tingkah laku mereka.





Pada awal pembentukan amalan profesionalisme, kebanyakan program penyediaan guru dilakukan dengan baik untuk melahirkan guru yang berkualiti. Lortie (1975) mengetengahkan konsep (*apprenticeship of observation*) atau istilah perantisan pemerhatian yang mungkin tidak terkenal dalam kalangan pendidikan guru. Perantisan pemerhatian menerangkan satu fenomena di mana guru pra perkhidmatan perlu menyertai kursus-kursus latihan dan menghabiskan beribu-ribu jam sebagai pelajar sekolah memerhati dan menilai amalan profesionalisme yang diamalkan oleh guru yang berpengalaman di sekolah.

Konsep perantisan pemerhatian ini, dirasakan tidak sesuai diteruskan oleh guru pra perkhidmatan kerana ia hanya melihat dan memerhati tingkah laku guru yang profesional ketika mereka mengajar sahaja tetapi tidak dapat melihat keseluruhan amalan profesionalisme yang guru profesional ini amalkan (Borg, 2004). Haberman (1985) pula menyatakan dalam konsep perantisan pemerhatian ini, terdapat guru profesional yang tidak selesa jika mereka sering dilihat dan diperhati dalam tempoh masa yang agak panjang oleh guru pra perkhidmatan ketika mengajar kerana mereka seolah-olah dinilai oleh orang lain dan membataskan cara sebenar mereka mengajar di kelas.

Seterusnya, Trotman dan Kerr (2001) dan Sutherland, Howard dan Markauskaite (2010) mengkaji tentang pembentukan sahsiah guru dalam amalan profesionalisme. Mereka menggunakan kaedah penulisan jurnal yang ditulis oleh guru pra perkhidmatan sewaktu berada di institusi pada awal tempoh pengajian iaitu pada tahun pertama.





Penulisan jurnal ini adalah berkaitan isu-isu budaya sosial, sahsiah dan personaliti guru pra perkhidmatan. Aktiviti jurnal ini adalah satu cara yang dapat menjana refleksi sebagai asas untuk perubahan dalam amalan profesionalisme kerana ia memperkenalkan idea-idea, maklumat dan hujah-hujah yang mencabar untuk guru pra perkhidmatan berfikir (Pedro, 2005). Di samping itu, ia juga dilihat sebagai satu latihan kognitif sebagai satu proses menjadi seorang guru dalam mengintegrasikan sahsiah dan personaliti dalam profesion keguruan.

Namun begitu, penulisan jurnal ini adalah berkaitan isu-isu budaya sosial, sahsiah dan personaliti guru pra perkhidmatan sewaktu berada di institusi pada awal tempoh pengajian iaitu pada tahun pertama sahaja. Spalding dan Wilson (2002) menyatakan bahawa perubahan sahsiah dan personaliti pasti berlaku kepada guru pra perkhidmatan sejurus memasuki institusi pendidikan dan berada pada tempoh yang lama iaitu dari tahun kedua hingga tamat pengajian. Penulisan jurnal ini dirasakan tidak relevan jika pada awal tempoh pengajian iaitu pada tahun pertama tetapi seharusnya diteruskan ketika berada di institusi pendidikan pada tahun kedua hingga tamat pengajian.

Personaliti juga dilihat sebagai faktor dalaman dalam membentuk amalan profesionalisme. Personaliti dan profesionalisme akan terus berkembang dari masa ke masa mengikut kehendak guru dalam membentuk kepimpinan guru. Kelakuan guru seperti bersua muka dengan pelajar, pengajaran menggunakan kaedah yang betul dan mengajar mengikut pengalaman adalah sebahagian daripada personaliti (Murray, Rushton, &





Paunonen, 1990). Dengan memahami hubungan antara personaliti dan profesionalisme guru, ia akan membantu untuk mengenal pasti personaliti yang mempengaruhi profesionalisme, supaya boleh membangunkan personaliti baharu kepada guru pra perkhidmatan untuk menjadi guru yang berkualiti pada masa depan (Harris & Muijs, 2003).

Dalam meningkatkan personaliti guru dalam amalan profesionalisme, Braun dan Koorland (2006) menyatakan bahawa program penyediaan guru perlu memberi fokus kepada sahsiah guru pra perkhidmatan. Oleh itu, guru pra perkhidmatan ini telah ditugaskan untuk menyertai seminar yang biasanya diperlukan untuk mengajar ciri-ciri asas tingkah laku profesional. Seminar ini dijalankan sebanyak tujuh kali bersama dengan pensyarah penilai. Terdapat seorang fasilitator yang bertugas untuk memberi arahan tentang tugas untuk setiap seminar yang berkaitan dengan sahsiah dan tingkah laku guru pra perkhidmatan. Selepas selesai menghadiri seminar ini, guru pra perkhidmatan ini akan dinilai melalui instrumen dan rubrik *Professional Behavior Assessment* (PBA). Utley (2009) dan Clark (2004) menyatakan program penyediaan guru yang memberi fokus kepada sahsiah guru pra perkhidmatan adalah bersesuaian dengan guru pra perkhidmatan dan ia dilakukan di dalam satu seminar yang diadakan secara berkala untuk membentuk sahsiah dan personaliti mereka.

Seterusnya, Robichaux dan Guarino (2012) pula menyatakan tentang amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan ditingkatkan melalui penulisan refleksi penilaian portfolio. Taksiran portfolio ini ditulis oleh guru pra perkhidmatan untuk setiap refleksi





amalan pengajaran yang mereka lalui. Refleksi amalan pengajaran ini dilakukan ketika mereka menjalani latihan praktikal di sekolah. Pengalaman pembelajaran ini, menjadikan guru pra perkhidmatan lebih responsif kepada perubahan tingkah laku mereka berdasarkan keperluan di dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, guru pra perkhidmatan perlu menulis penilaian portfolio yang telah diakui oleh pensyarah berkaitan dengan kandungan dan kaedah pengajaran serta amalan profesionalisme yang diamalkan di sekolah.

Costa dan Kallick (2000) menyatakan, ekoran daripada penulisan refleksi penilaian portfolio ini dapat memberikan impak yang besar kepada peningkatan amalan profesionalisme dari segi pengetahuan, kemahiran, nilai dan sahsiah guru pra perkhidmatan. Namun, terdapat pula pendapat yang menyatakan dengan berfokuskan penulisan refleksi penilaian portfolio yang ditulis oleh guru pra perkhidmatan ini tidak mempunyai pendekatan yang sistematik kerana lebih menjurus kepada kaedah pedagogi dan kandungan subjek pembelajaran sahaja (Parkay, Stanford & Gougeon 2010).

Dalam kajian Mohd Zolkifli, Muhammad Rashid dan Megat Aman (2007) untuk membentuk amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan, peranan pensyarah sebagai pembimbing atau penyelia amat penting ketika menyelia guru pra perkhidmatan ketika melakukan latihan praktikum. Perkongsian idea, komen dan cadangan daripada penyelia ini amat membantu guru pra perkhidmatan ini membentuk amalan profesionalisme. Walau bagaimanapun terdapat penyelia yang tidak mempunyai kepakaran yang sama dengan opsyen yang diikuti oleh guru pra perkhidmatan. Dalam pada itu, pensyarah pembimbing,





selaku penyelia ini juga mengamalkan stail penyeliaan berbentuk direktif di awal penyeliaan latihan mengajar dan secara beransur-ansur berganjak ke arah tidak direktif. Ini telah memberi kesan kepada guru pra perkhidmatan kerana guru pra perkhidmatan ini merupakan golongan indidvidu yang unik kerana mereka memikul dua peranan dalam satu masa iaitu sebagai guru dan juga pelajar yang sedang belajar bagaimana untuk menjadi guru (Cook-Sather, 2014).

Selain itu, jika ditinjau dari aspek perkembangan isi kandungan buku-buku ilmiah berkaitan amalan profesionalisme guru ini pula, tahap profesionalisme sebenarnya boleh dicapai. Namun begitu, guru pra perkhidmatan ini bagaikan tidak berminat untuk melibatkan diri dalam pembacaan buku ilmiah yang berbentuk penulisan ayat yang panjang seperti buku *Asas Kepimpinan Perkembangan Profesional, Amalan Profesionalisme Perguruan, Kesediaan Profesionalisme Guru Novis dan Profesionalisme Keguruan Prospek dan Cabaran yang tidak mampu menjana minat mereka secara langsung dalam membentuk amalan profesionalisme* (Blomberg, Geraldine & et al, 2013).

Erlich dan Shaughnessy (2014) menegaskan amalan profesionalisme guru dilihat sebagai satu keperluan yang perlu ada pada guru pra perkhidmatan untuk melahirkan guru yang berkualiti pada masa akan datang. Kesedaran semua pihak terhadap perubahan pesat sistem pendidikan serta peranan yang akan dimainkan oleh guru untuk menginovasi diri sendiri sesuai dengan perubahan masa. Keperluan amalan profesionalisme guru ini menjadi penyebab utama penyelidik membina modul untuk digunakan oleh institusi-institusi





penyediaan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran, kursus, seminar atau bengkel bagi memantapkan lagi tahap kefahaman guru pra perkhidmatan terhadap amalan profesionalisme secara lebih efektif dan menghasilkan guru pra perkhidmatan yang berkualiti.

Dalam konsep pembelajaran kini juga, suasana pembelajaran semakin berubah. Pembelajaran kini yang lebih mementingkan pembelajaran yang melibatkan aktiviti kumpulan dan penggunaan modul memberi peluang kepada pensyarah untuk mengubah cara pengajaran tradisional mereka yang selama ini hanya berfokuskan penyampaian ilmu kepada cara pengajaran yang lebih mementingkan penglibatan keseluruhan guru pra perkhidmatan (William, Harrison, & Black, 2010; Jackson, 2014). Dengan ini, bukan sahaja pelibatan pensyarah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan meningkat, malah kesediaan guru pra perkhidmatan untuk membentuk amalan profesionalisme dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan turut akan meningkat

1.3 Pernyataan Masalah

Penguasaan guru pra perkhidmatan dalam amalan profesionalisme adalah penting, terutamanya dalam kalangan guru pra perkhidmatan yang mengambil program pendidikan sebagai bidang pengajian pilihan di peringkat universiti. Hal ini demikian, amalan profesionalisme dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan merupakan perkara asas yang perlu dikuasai oleh guru pra perkhidmatan seawal menceburi bidang pengajian





pendidikan. Namun begitu, satu hasil keputusan akhir kursus latihan mengajar yang diperolehi daripada Pusat Latihan Mengajar dan Industri dari sebuah universiti yang menjalani latihan praktikum semester 1 2015/2016, menunjukkan bahawa seramai 709 orang pelajar mendapat gred A, 501 orang pelajar mendapat gred A-, 107 orang pelajar mendapat B+, 24 orang pelajar mendapat B, 3 orang pelajar mendapat C+, 3 orang pelajar mendapat C, 1 orang pelajar mendapat C- dan 2 orang pelajar mendapat D+.

Berdasarkan keputusan ini masih terdapat guru pra perkhidmatan yang gagal memenuhi syarat lulus Kursus Latihan Mengajar merujuk kepada keputusan mesyuarat senat kali Ke-77 Bil.4/2010 (8 Jun 2010). Selain itu, berdasarkan perbincangan penyelidik bersama pengarah Pusat Latihan Mengajar dan Industri ini juga mendapati bahawa amalan

profesionalisme guru pra perkhidmatan yang telah menjalani latihan praktikal masih berada pada tahap kurang memuaskan. Laporan juga menunjukkan bahawa di ruangan rubrik penilaian kursus latihan mengajar masih terdapat guru pra perkhidmatan yang mendapat skor markah lemah dan sangat lemah untuk penilaian sikap dan sahsiah yang memberi kesan kepada amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan (Sockett, 1993) . Justeru, tidak hairanlah keputusan ini telah memberi kesan terhadap amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dalam menghasilkan guru yang berkualiti pada masa hadapan.





Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), salah satu cara menerapkan ciri-ciri profesionalisme guru pra perkhidmatan ialah ketika guru pra perkhidmatan ini menjalani latihan praktikum di sekolah. Rubrik Penilaian Kursus Latihan Mengajar UPSI (Pindaan 2013), Universiti Pendidikan Sultan Idris (2013) digunakan untuk menilai tahap pencapaian guru pra perkhidmatan. Penilaian yang dinilai itu lebih menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, penyediaan buku rekod mengajar, sikap dan sahsiah guru pra perkhidmatan dan penglibatan guru pra perkhidmatan dalam bidang kokurikulum. Penilaian ini sebenarnya masih belum mencukupi untuk melihat amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan. Penilaian ini hanya dilakukan selepas empat bulan guru pra perkhidmatan menjalani latihan praktikum.



Berdasarkan kajian Harvey, Yssel, Bauserman dan Merbler (2010) dan Evagorou, Dillon, Viiri dan Albe (2015) mendapati program latihan perguruan lebih cenderung dalam menekankan kepentingan untuk memperoleh pengetahuan dan teori sehingga menjelaskan dalam melengkapkan pelajar dengan kemahiran praktikal, terutamanya pengalaman yang berkaitan dengan profesi keguruan yang boleh dibandingkan dengan keadaan yang berlaku di dalam kelas ketika menjadi guru dalam perkhidmatan kelak. Keadaan ini mampu menyumbang kepada ketidaksediaan guru pra perkhidmatan dalam pembentukan amalan profesionalisme untuk menceburi profesi keguruan pada abad ke-21 kerana terdedah kepada pelbagai cabaran baharu yang berbentuk kebendaan, intelektual, pemikiran, kerohanian, kebudayaan, ideologi baharu dan isu-isu yang berkaitan dengan masalah etika.





Statistik kegagalan calon guru lepasan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan daripada beberapa Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Institut Pengajian Tinggi Awam juga membimbangkan. Data statistik Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (2015) menunjukkan seramai 68 orang calon gagal temu duga pada bulan Februari hingga April 2012, pada bulan Ogos 2013, seramai 94 orang calon J-QAF dan pada tahun 2014 hingga 2015 seramai 102 orang calon temuduga daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris telah gagal dalam sesi temuduga. Menurut laporan yang dibentangkan oleh pegawai di Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, terdapat beberapa kriteria calon temu duga gagal dipatuhi.

Kriteria pertama iaitu keterampilan diri dan sikap. Calon temu duga dilihat seperti kurang bersedia untuk ditemu duga, berpakaian tidak mengikut etika berpakaian dan penampilan diri kurang memuaskan. Kriteria kedua pula ialah keupayaan berfikir dan kemahiran berkomunikasi. Penyampaian calon temu duga kurang menyakinkan, tidak tersusun dan tidak jelas. Apabila soalan dikemukakan, calon temu duga kurang penglibatan dalam perbincangan dan tidak dapat memberikan idea atau ulasan tentang isu yang dibincangkan dengan menyakinkan.

Kriteria ketiga pula ialah pengetahuan am dan isu semasa dalam pendidikan. Calon temu duga kurang menguasai pengetahuan am dan isu semasa pendidikan seperti dasar-dasar pembangunan pendidikan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan program kerajaan dalam bidang pendidikan. Kriteria yang terakhir ialah pengetahuan bidang tugas dan ikhtisas. Calon temu duga kurang pengetahuan tentang pedagogi dan lemah dari segi





(content knowledge) bidang serta tidak boleh menjawab soalan berkaitan teknik dan kaedah pendekatan pengajaran dengan jelas dan meyakinkan. Ini menunjukkan bahawa amalan profesionalisme sebagai guru selama guru pra perkhidmatan ini berada di Institusi Pendidikan Guru masih lagi belum dapat diaplikasi sepenuhnya apabila guru pra perkhidmatan ini menghadiri sesi temu duga.

Selain daripada itu, amalan profesionalisme yang rendah kesan daripada program pembentukan amalan profesionalisme dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan kepada guru pra perkhidmatan yang tidak diaplikasikan seawal pengajian memberi impak jangka panjang kepada guru pra perkhidmatan ini apabila berkhidmat di sekolah. Ia dapat dibuktikan dengan kajian berkaitan kesediaan profesionalisme guru novis yang menunjukkan bahawa guru novis masih belum bersedia menonjolkan amalan profesionalisme di sekolah. Levin, Hammer dan Coffey (2009), Fantilli dan McDougall (2009), Caspersen (2013) dan Senom, Razak Zakaria dan Sharatol Ahmad Shah (2013) membuktikan bahawa guru novis ini masih mempunyai kebimbangan yang tinggi pada tahun pertama mengajar di sekolah. Sebanyak 12 kebimbangan guru novis itu ialah mengurus bilik darjah, memperoleh maklumat tentang sistem persekolahan, mendapatkan bahan pengajaran dan sumber, perancangan, menyusun, dan menerima arahan dari pentadbir atau guru lain serta lain-lain tanggungjawab profesional, menilai pelajar dan menilai prestasi pelajar dan motivasi pelajar, penggunaan bahan pengajaran yang berkesan, berurusan dengan pelajar yang mempunyai masalah, minat dan keperluan yang berbeza,





kemahiran komunikasi bersama pihak pentadbir, rakan guru, ibu bapa dan komuniti serta kesesuaian persekitaran sekolah untuk pengajaran dan pembelajaran.

Ini dapat di buktikan lagi dengan hasil kajian oleh Ghazali dan Zakaria pada tahun 2010 mendapati sebanyak 13.4 peratus atau 31 orang daripada 250 orang guru novis atau guru permulaan yang ditemui bual di sekolah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhasrat meninggalkan profesi keguruan. Dalam laporan *National Center for Educational* (2016) juga menunjukkan statistik bahawa seramai 32.0 peratus guru novis yang mula mengajar di West Virginia pada tahun 2008 dan 2009 telah meninggalkan profesi keguruan ini pada tahun 2012 dan 2013. Ingersoll (2012) dan Ronfeldt, Loeb dan Wyckoff (2013), menyatakan guru novis yang meninggalkan perkhidmatan pada awal profesi akan memberi kesan kepada pihak berkepentingan seperti pentadbir sekolah, ibu bapa dan rakan guru. Ini akan menjasaskan kualiti guru dan pasti menghalang keupayaan untuk merapatkan jurang pencapaian populasi pelajar di sekolah.

Berdasarkan hasil kajian di atas, dapat dirumuskan bahawa amalan profesionalisme guru novis dan guru pra perkhidmatan yang telah menjalani latihan praktikum masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Permasalahan ini yang akan menjadikan kualiti guru yang dihasilkan tidak mencapai standard guru yang ditetapkan. Oleh itu, pembentukan amalan profesionalisme guru harus dipupuk pada peringkat awal lagi ketika mereka berada di Institut Pendidikan Guru dan Institut Pendidikan Tinggi Awam atau Swasta. Justeru, sebagai satu langkah intervensi yang akan diberikan kepada guru pra perkhidmatan ialah





dengan menggunakan pendekatan modul untuk membentuk amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan.

Oleh itu, penyelidik mengambil peluang ini untuk memperkenalkan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dalam kalangan guru pra perkhidmatan dan melihat keberkesanan penggunaan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) agar penyelidik dapat membantu guru pra perkhidmatan membentuk amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan secara menyeluruh dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan seperti yang terkandung dalam Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP). Guru pra perkhidmatan juga perlu diberi peluang dan ruang bagi menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai melalui pengajaran dan pembelajaran berkaitan profesionalisme guru sebagai persediaan awal untuk menghasilkan guru yang berkualiti pada masa hadapan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melahirkan guru pra perkhidmatan yang berkualiti dari segi personaliti, sahsiah dan kepimpinan dalam membentuk amalan profesionalisme melalui kursus profesionalisme yang diberikan. Kursus profesionalisme ini akan menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) yang dibina oleh penyelidik. Kesan penggunaan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) diharap dapat membentuk personaliti, sahsiah dan kepimpinan guru pra perkhidmatan.





Kajian ini menggunakan dua kaedah pengajaran iaitu dengan menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) untuk kumpulan rawatan guru pra perkhidmatan dan kaedah kuliah biasa untuk kumpulan kawalan guru pra perkhidmatan. Amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan akan diteliti setelah ujian pra, intervensi dan ujian pasca dijalankan. Beberapa objektif telah dibentuk oleh penyelidik sebelum kajian dijalankan.

Objektif kajian ini dibentuk secara khususnya adalah bagi:

- i. Menentukan tahap amalan profesionalisme yang sedia ada dalam kalangan guru pra perkhidmatan dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- ii. Menentukan sama ada terdapat perbezaan amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dalam kumpulan kawalan sebelum dan selepas mendapat pengajaran dengan kaedah kuliah.
- iii. Menentukan sama ada terdapat perbezaan amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas mendapat pengajaran dengan menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP).
- iv. Menentukan sama ada terdapat perbezaan amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dalam kumpulan rawatan selepas mendapat pengajaran menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dan guru pra





perkhidmatan dalam kumpulan kawalan selepas mendapat pengajaran dengan kaedah kuliah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada penyataan masalah dan objektif, kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan berikut:

- i. Apakah tahap amalan profesionalisme yang sedia ada dalam kalangan guru pra perkhidmatan dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dalam kumpulan kawalan sebelum dan selepas mendapat pengajaran dengan kaedah kuliah?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas mendapat pengajaran dengan menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP)?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dalam kumpulan rawatan selepas mendapat pengajaran menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dan guru pra





perkhidmatan dalam kumpulan kawalan selepas mendapat pengajaran dengan kaedah kuliah?

1.6 Hipotesis Kajian

Seterusnya, bagi membantu penyelidikan, hipotesis telah dibentuk berdasarkan persoalan kajian kedua, ketiga dan keempat. Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

H_{01} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dalam kumpulan kawalan sebelum dan selepas mendapat pengajaran dengan kaedah kuliah.

H_{02} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dalam kumpulan rawatan sebelum dan selepas mendapat pengajaran dengan menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP).

H_{03} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dalam kumpulan rawatan selepas mendapat pengajaran menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dan guru pra perkhidmatan dalam kumpulan kawalan selepas mendapat pengajaran dengan kaedah kuliah.





1.7 Kerangka Teori Kajian

Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan Model Standard Guru Malaysia (2009), Teori Personaliti Big Five (1999), Teori Kepimpinan Guru (Katzenmeyer & Moller, 2009), Teori Andragogi Knolwes (1970), Teori Vygotsky (1978) dan Pendekatan Pembelajaran Berkumpulan (*Cooperative Learning Approach*) sebagai kerangka teori kajian. Dalam aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan dalam membentuk amalan profesionalisme mereka sebagai bakal guru kelak, penyelidik menggunakan modul sebagai salah satu intervensi yang akan diberikan kepada guru pra perkhidmatan.

Vygotsky (1978) dan Tengku Sarina Aini dan Yusmini (2007), menegaskan bahawa konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPP) merupakan bantuan atau perancah daripada pihak luar. Menerusi bantuan atau perancah yang diberikan, maka guru pra perkhidmatan dapat mengoptimumkan amalan profesionalisme sedia ada (Ishak, Jamil, Razak, & Ahmad, 2013). Justeru, di dalam kajian ini, kaedah pengajaran menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) akan bertindak sebagai bantuan atau perancah rawatan bagi membantu guru pra perkhidmatan membentuk amalan profesionalisme guru dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan.





Di samping itu, Teori Andragogi Knowles (1970) pula diperkembangkan lagi untuk membantu pelajar dalam kalangan dewasa untuk belajar. Salah satu andaian dalam reka bentuk pembelajaran golongan dewasa menerusi Teori Andragogi Knowles (1970), pelajar matang belajar melalui konsep kendiri (Knowles, Holton, & Swanson, 2014). Oleh itu, pembelajaran melalui modul juga mampu memberi kesan terhadap aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan dalam pembentukan amalan profesionalisme. Hal ini demikian, sekiranya penyediaan kandungan di dalam modul disediakan dengan menarik, maka guru pra perkhidmatan ini akan menggunakan modul ini dalam melakukan aktiviti yang disediakan dalam kumpulan berpandukan arahan yang diberikan oleh penyelidik dalam membentuk personaliti, sahsiah dan kepimpinan dalam amalan profesionalisme mereka sebagai bakal guru kelak.



Kandungan dalam Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) merangkumi aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan. Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) ini dibina oleh penyelidik berdasarkan Model Standard Guru Malaysia (2009), Teori Personaliti Big Five (1999) dan Teori Kepimpinan Guru (Katzenmeyer & Moller, 2009). Untuk kajian ini, penyelidik lebih memfokuskan kepada Standard 1 iaitu Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan yang terdapat pada Model Standard Guru Malaysia (2009). Amalan nilai profesionalisme keguruan digubal berlandaskan budaya Institut Pendidikan Guru (IPG), Tatasusila Profesional Keguruan, nilai murni dalam kurikulum sekolah, nilai utama dalam Perkhidmatan Awam, prinsip utama Etika Kerja Kementerian Pendidikan Malaysia, dan Tonggak Dua Belas. Pembentukan





amalan profesionalisme keguruan akan menjadi lebih berkesan jika disampaikan melalui sistem pendidikan kerana nilai-nilai ini akan membentuk seseorang bertingkah laku, berfikir dan bertindak.

Penekanan terhadap peranan faktor personaliti dalam amalan profesionalisme seperti yang dinyatakan secara tersirat oleh Sockett (1993) iaitu, profesionalisme adalah struktur yang melibatkan pelbagai tingkah laku atau personaliti seseorang dalam mencapai standard yang tinggi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Hal ini kerana ciri-ciri peribadi atau kualiti diri guru yang mencakupi personaliti dan tingkah laku yang baik adalah antara ciri yang amat penting bagi melayakkan seseorang guru pra perkhidmatan untuk menjadi guru yang berkesan, berwibawa dan berketrampilan. Kelemahan ciri-ciri peribadi atau unsur personaliti dan sikap tersebut boleh memberikan kesan buruk ke atas mutu dan keberkesanan pendidikan serta imej perguruan (Sufean Hussin, 2004).

Selain itu, kepimpinan guru adalah satu konsep yang boleh dilaksanakan di mana-mana sekolah, perubahan iklim, sistem, dan masyarakat untuk membantu komuniti sekolah dan pelajar pada bila-bila masa. Salah satu sebab kepimpinan guru begitu penting pada ketika ini ialah kerana permintaan baharu yang diletakkan kepada sekolah-sekolah dengan mengambil kira pencapaian pelajar yang memerlukan lebih pendekatan pengajaran konstruktivisme. Menurut Opfer dan Pedder (2011), pengajaran konstruktivisme bergantung kepada pengetahuan yang mendalam oleh guru terhadap mata pelajaran mereka, bagaimana untuk mengajar subjek ini, dan bagaimana pelajar mempelajari subjek





tersebut. Oleh itu, dimensi kepimpinan guru perlu dibentuk oleh guru pra perkhidmatan dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar selari dengan matlamat Transformasi Nasional 2050 dalam bidang pendidikan.

Pendekatan Pembelajaran Berkumpulan (*Cooperative Learning Approach*) pula adalah strategi pengajaran yang berjaya melibatkan guru pra perkhidmatan dalam kumpulan yang kecil. Pembelajaran berkumpulan ini dapat menonjolkan kebolehan guru pra perkhidmatan dengan menggunakan pelbagai aktiviti pembelajaran untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang sesuatu tajuk. Dengan menggunakan kaedah ini, setiap guru pra perkhidmatan akan merasakan mereka penting di dalam kelas. Pembelajaran berkumpulan adalah satu kaedah pengajaran di mana guru pra perkhidmatan bekerja bersama-sama melengkapkan sesuatu aktiviti, masalah, projek atau matlamat pengajaran. Manakala pensyarah bertindak sebagai pembimbing atau fasilitator. Kaedah ini mengukuhkan pembelajaran guru pra perkhidmatan sendiri dan juga pembelajaran rakan-rakan ahli kumpulan masing-masing (Mahmood & Ahmad 2010; Sharan & Shachar, 2012).






1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual ini dibina untuk penyelidik melihat kesan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) terhadap amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan. Kandungan dalam Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) merangkumi aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan. Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) ini dibina oleh penyelidik berdasarkan Model Standard Guru Malaysia (2009), Teori Personaliti Big Five (1999) dan Teori Kepimpinan Guru (Katzenmeyer & Moller, 2009).

Rajah 1.1 menunjukkan Kerangka Konseptual Kajian. Dalam kajian ini, keberkesanan penggunaan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) merupakan pemboleh ubah tidak bersandar, manakala pemboleh ubah bersandar pula terdiri daripada amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan. Amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan ini diubahsuai berdasarkan konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPP) yang telah diperkenalkan oleh Vygotsky (1978).

Dalam kajian ini, ujian pra dilaksanakan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kedua-dua kumpulan guru pra perkhidmatan ini adalah guru pra perkhidmatan semester 8, Program Perngurusan Perniagaan dan Keusahawanan Perdagangan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah tamat menjalani latihan praktikum. Kumpulan Guru pra perkhidmatan dalam kumpulan rawatan diberikan





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kesan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) terhadap Amalan Profesionalisme Guru Pra Perkhidmatan. Diadaptasi daripada Masri Baharom (2013), Model Standard Guru Malaysia (2009), Teori Personaliti Big Five (1999) dan Teori Kepimpinan Guru (Katzenmeyer & Moller, 2009).



satu kaedah pengajaran menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP), manakala kumpulan kawalan diberikan kaedah kuliah di dalam kelas.

Tempoh pelaksanaan ialah selama 8 minggu termasuk tempoh pengajaran dan pembelajaran, ujian pra dan ujian pasca. Kedua-dua kaedah pengajaran dan pembelajaran ini dilaksanakan selama 6 minggu. 2 minggu selebihnya itu pula adalah untuk tujuan ujian pra 1 minggu dan ujian pasca 1 minggu. Pengajaran dan pembelajaran ini diadakan selama 60 minit setiap sesi, 1 kali seminggu, pada hari yang sama tetapi pada masa yang berlainan. Guru pra perkhidmatan dalam kumpulan rawatan diberikan satu kaedah pengajaran menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dan kumpulan kawalan pula diberikan kaedah kuliah. Kedua-dua kaedah pengajaran dan pembelajaran ini



05 diajar oleh pensyarah yang sama.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Mengikut Bompa (1999), sesuatu program intervensi perlu merangkumi faktor asas seperti persediaan fizikal, teknikal dan hasilnya akan diperolehi apabila dilaksanakan sekurang-kurangnya selama 6 minggu (Bompa, 1998). Menurut Gersten, Fuchs, Compton, Greenwood dan Innocenti, (2005) dalam banyak kajian, kesan intervensi yang terbaik ialah dikesan dengan segera dan matlamat aktiviti pengukuran dalam kajian eksperimen adalah untuk mengesan perubahan hasil daripada melaksanakan satu pembolehubah tidak bersandar dan soalan kajian dalam penyelidikan.





Menurut Campbell dan Stanley (1963), kebanyakan eksperimen menggunakan reka bentuk ini akan melakukan ulangan intervensi. Berdasarkan beberapa pernyataan yang dicadangkan, maka penyelidik telah memilih tempoh pengajaran selama 6 minggu. Ujian pra berkaitan dengan amalan profesionalisme akan diberi sebelum 6 minggu pengajaran kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ujian pasca pula dilaksanakan selepas 6 minggu pengajaran dijalankan. Jumlah keseluruhan minggu ialah selama 8 minggu.

1.9 Kepentingan Kajian

Cabarannya bagi membentuk amalan profesionalisme guru dalam kalangan guru pra perkhidmatan harus dipikul bersama pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta dan juga Institut Pendidikan Guru Malaysia. Berdasarkan permasalahan-permasalahan kajian yang dinyatakan sebelum ini, diharapkan kajian ini dapat memberi sedikit sumbangan kepada bidang pendidikan dalam melahirkan guru berkualiti pada masa hadapan. Dengan adanya Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) ini diharap dapat melahirkan guru pra perkhidmatan yang mempunyai amalan profesionalisme dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan.

Selain itu, Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) boleh menjadi salah satu modul yang digunakan oleh pensyarah atau tenaga pengajar untuk membentuk amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan yang telah tamat menjalani latihan praktikum di Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta dan Institut Pendidikan Guru





Malaysia. Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) ini juga adalah bersifat holistik dan mampu membentuk amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Guru.

Hasil kajian ini juga dapat membantu Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta dan Institut Pendidikan Guru Malaysia dalam merangka satu mekanisme dalam strategi pembelajaran yang baharu dalam menerapkan amalan profesionalisme kepada guru pra perkhidmatan dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan. Strategi pembelajaran menggunakan modul dan mempunyai aktiviti berkumpulan mampu membentuk sifat bekerjasama, tolenrasi dan kepimpinan. Selain itu, pembelajaran abad ke-21 banyak mengubah corak pengajaran dan pembelajaran. Perubahan positif ini adalah bagi memastikan apa yang dilakukan adalah seiring dengan perkembangan pendidikan dan kemajuan dunia zaman sekarang. Dengan kewujudan pelbagai teknik pembelajaran, maka sudah pasti adalah tidak relevan lagi amalan pengajaran pada abad terdahulu terus diamalkan pada masa sekarang.

Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga akan memberi sumbangan kepada penulisan dan penerbitan untuk menghasilkan artikel yang berkaitan dengan keberkesanan penggunaan Modul dan amalan profesionalisme dalam kalangan guru pra perkhidmatan. Sumbangan ini boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan guru pra perkhidmatan dalam meningkatkan amalan profesionalisme keguruan sebelum berkhidmat sebagai guru sebenar dalam bidang keguruan.





1.10 Batasan Kajian

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ini, penyelidik telah menentukan skop dan batasan kajian terhadap elemen-elemen atau item-item tertentu sahaja supaya skop kajian adalah lebih tertumpu dan berfokus serta tidak terlalu luas. Antara elemen yang dikaji dan ditinjau hanyalah terbatas kepada keberkesanan pengajaran menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dalam kalangan guru pra perkhidmatan yang telah menjalani latihan praktikal. Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dalam kajian ini adalah berasaskan kepada Model Standard Guru Malaysia (2009), Teori Personaliti Big Five (1999) dan Teori Kepimpinan Guru (Katzenmeyer & Moller, 2009). Manakala teori pembelajaran menjurus kepada Teori Andragogi Knolwes (1970), Teori Lev Vygotsky (1978) dan Pendekatan Pembelajaran Berkumpulan (*Cooperative Learning Approach*).

Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dalam kajian ini memberi fokus kepada aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan. Profesionalisme juga bukanlah satu subjek atau mata pelajaran. Ia adalah satu domain amalan profesionalisme yang diperlukan untuk diterapkan dalam diri guru pra perkhidmatan berdasarkan tafsiran daripada sarjana-sarjana dalam bidang profesionalisme iaitu Hoyle (1974), Sockett (1993), Shulman (1997) dan Fenstermacher (2001).





Penyelidik memberi fokus kepada aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan kerana guru adalah suri teladan bagi pelajar, maka guru merupakan penggerak utama dalam membangunkan sahsiah pelajar dalam membangunkan modal insan yang bersahsiah dan berakhhlak mulia. Oleh itu, sebelum guru membentuk sahsiah pelajar, guru terlebih dahulu perlu mempunyai sahsiah yang baik untuk dicontohi oleh pelajar dan juga masyarakat (Tajul Ariffin, 2002). Penyelidik juga memilih guru pra perkhidmatan yang telah menjalani praktikum untuk memudahkan guru pra perkhidmatan ini mengaplikasi pengalaman yang sedia ada di sekolah setelah menjalani latihan praktikum.

Dalam kajian ini juga, tempoh kajian mengambil masa yang agak lama selama 8 minggu. Penyelidik telah berusaha untuk mencari kelas dan membuat surat kebenaran untuk mengambil alih mengajar pelajar. Namun permohonan itu ditolak kerana tempoh terlalu lama sehingga 8 minggu (6 minggu tempoh pengajaran dan pembelajaran, 1 minggu untuk ujian pra dan 1 minggu untuk ujian pasca) dan pensyarah perlu menghabiskan silibus pengajaran mengikut rancangan pengajaran yang ditetapkan oleh pihak universiti. Walau bagaimanapun, terdapat seorang pensyarah yang sanggup memberi dua kelas selama 1 jam dan mengajar kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan ini berkaitan dengan amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan. Pensyarah itu juga telah diberi penerangan oleh penyelidik berkaitan kursus profesionalisme ini dengan kaedah penggunaan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) untuk kumpulan rawatan dan kaedah kuliah untuk kumpulan kawalan.





Kajian ini juga dijalankan di sebuah universiti sahaja untuk mewakili universiti-universiti lain di Malaysia bagi guru pra perkhidmatan yang telah menjalani latihan praktikum. Hal ini demikian kerana peruntukan masa yang begitu terhad mendorong penyelidik membuat keputusan untuk menjalankan kajian di sebuah universiti sahaja. Oleh itu, keputusan bagi kajian yang diperoleh kelak bukanlah suatu keputusan yang mutlak atau tetap, namun masih boleh diambil kira dalam membuat sebarang keputusan yang berkaitan.

Di samping itu, penyelidik hanya membuat tinjauan tentang keberkesanan penggunaan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dalam membentuk amalan profesionalisme guru pra perkhidmatan sahaja. Hal ini demikian, setelah selesai intervensi dijalankan dalam kajian ini, guru pra perkhidmatan diuji dengan satu ujian pasca untuk melihat sejauh mana mereka menyelesaikan kajian kes berdasarkan amalan profesionalisme dari aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan.

Kesungguhan, motivasi serta kejujuran subjek semasa melakukan ujian mungkin memberikan kesan kepada keputusan ujian yang diperoleh, subjek diberikan penerangan oleh pensyarah agar mereka melakukan ujian dengan bersungguh-sungguh dan jujur pada diri sendiri. Sebagai tanda penghargaan kepada subjek kajian, penyelidik telah meminta pensyarah memberikan makanan dan minuman kepada subjek kajian dalam kumpulan rawatan dan kawalan selepas selesai 8 minggu tempoh pelaksanaan kajian ini. Ini kerana, pensyarah tersebut masih mempunyai tempoh pengajian selama 4 minggu dengan pelajar tersebut.





Secara ringkasnya, hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada semua Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia untuk menerapkan pengajaran menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) ini di universiti masing-masing. Dapatkan kajian ini juga mampu membentuk kualiti guru yang mempunyai amalan profesionalisme yang tinggi pada masa akan datang untuk sistem pendidikan negara.

1.11 Definisi Operasional

Bidang kajian ini adalah tertakluk kepada definisi operasional yang akan diterangkan. Definisi yang dinyatakan adalah berkisar kepada dua pemboleh ubah utama iaitu Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dan amalan profesional yang menjadi kerangka konseptual kajian dan definisi lain yang bersesuaian dengan tujuan dan objektif kajian dijalankan.

1.11.1 Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP)

Modul adalah unit atau bahagian tersendiri yang lengkap dengan komponennya yang mempunyai tujuan tertentu dan dapat dirangkai dengan unit-unit lain dalam sesuatu yang lebih besar dan berfokus dengan beberapa objektif yang telah ditetapkan (Sidek Mohd Noah 2005). Rusell (1974) menyatakan, modul boleh diaplikasikan dalam aktiviti secara individu, kelompok, akademik, bukan akademik dan modul berkemampuan membawa guru pra perkhidmatan ke arah perubahan yang positif. Di dalam kajian ini, kandungan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dalam kajian ini merangkumi aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan yang berasaskan kepada Model Standard Guru





Malaysia (2009), Teori Personaliti Big Five (1999) dan Teori Kepimpinan Guru (Katzenmeyer & Moller, 2009). Manakala teori pembelajaran menjurus kepada Teori Andragogi Knolwes (1970), Teori Lev Vygotsky (1978) dan Pendekatan Pembelajaran Berkumpulan (*Cooperative Learning Approach*).

Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) ini tidak menyentuh mana-mana dasar atau sukanan pelajaran. Modul ini dibina berdasarkan tafsiran para sarjana berkaitan amalan profesionalisme yang menekankan aspek personaliti, sahsiah dan kepimpinan dalam membentuk amalan profesionalisme. Modul ini adalah berbentuk modul pengajaran untuk membantu guru pra perkhidmatan membina personaliti, sahsiah dan kepimpinan dalam membentuk amalan profesionalisme untuk menjadi seorang guru yang berkualiti. Modul ini mempunyai aktiviti kumpulan dan penglibatan guru pra perkhidmatan dalam kumpulan yang kecil, mempunyai arahan, menggunakan bahan-bahan yang sedikit, menggunakan ruang yang kecil atau sederhana serta mudah dijalankan.

1.11.2 Pengajaran dan Pembelajaran

Menurut Wood dan Bennett (2000), pengajaran dan pembelajaran merupakan satu tindakan yang bertujuan untuk membawa perubahan daripada aspek kepercayaan, nilai dan makna. Beliau juga berpendapat bahawa pengajaran dan pembelajaran merupakan satu aktiviti intelek. Ia melibatkan pemikiran, perasaan dan penilaian seperti interaksi antara guru dengan pelajar dan di antara pelajar dengan pelajar. Dalam kajian ini, pengajaran dan pembelajaran diberikan kepada subjek kajian kumpulan rawatan ialah dengan penggunaan





Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dan kumpulan rawatan ialah kaedah kuliah.

1.11.3 Keberkesanan

Keberkesanan dalam kajian ini bermaksud hasil intervensi yang menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) yang dibina oleh penyelidik terhadap tahap profesionalisme guru pra perkhidmatan. Keberkesanan MPAP ini diuji selepas ujian pasca yang diberikan kepada kumpulan rawatan. Kaedah pengajaran secara kuliah diberi kepada kumpulan kawalan di dalam kelas. Ujian pasca yang sama diberikan kepada kumpulan kawalan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan skor min di antara penggunaan modul MPAP atau kaedah kuliah.



1.11.4 Domain afektif

Bloom (1956) telah memperkenalkan domain afektif yang melibatkan emosi seperti perasaan, penghargaan, motivasi dan sikap. Domain afektif ini dapat membentuk sahsiah dan tingkah laku guru pra perkhidmatan untuk menjadi guru yang mempunyai personaliti unggul. Dalam kajian ini domain afektif merujuk kepada perasaan, penghargaan, motivasi dan sikap yang dimiliki oleh guru pra perkhidmatan sebagai subjek kajian.





1.11.5 Personaliti

Buss dan Plomin (2014) menyatakan personaliti adalah dinamik dalam sistem psikofizikal individu. Personaliti ini menentukan ciri-ciri pemikiran dan tingkah laku seseorang. Personaliti juga bermaksud organisasi watak, perangai, intelek dan fizikal seseorang yang agak stabil dan mempunyai daya ketahanan yang mana menentukan keunikan. Ciri-ciri personaliti juga mempengaruhi individu untuk mentafsir peristiwa yang menyokong atau menghalang tingkah laku adaptif dan psikologi yang sihat. Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan Teori Personaliti Big Five iaitu (neuroticism), (extraversion), (openness to experience), (agreeableness), dan (conscientiousness) untuk mengukur personaliti guru pra perkhidmatan (Terracciano, McCrae & Costa, 2010).



1.11.6 Kepimpinan

Kepimpinan guru merujuk kepada tindakan berprinsip yang dipegang atau diamalkan oleh bakal guru untuk mencapai kejayaan sekolah secara menyeluruh dengan mengaplikasikan kuasa tersendiri dalam pengajaran kelak (Gardner, 1990; Marsh et al., 2014). Ini akan membantu bakal guru membentuk pelajar yang berkualiti dan memberi sumbangan jangka panjang terhadap kehidupan masyarakat. Kepimpinan guru juga dikatakan sebagai salah satu cara yang realiti, di mana boleh membantu bakal guru kerana ia meletakkan profesionalisme, autonomi, dan pemberian kuasa semula ke dalam profesi keguruan pada masa akan datang (Katzenmeyer & Moller, 2009). Kepimpinan dalam kajian ini ialah kepimpinan guru yang ditunjukkan oleh guru pra perkhidmatan ketika menjalani intervensi





melalui Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dalam kumpulan rawatan dan melalui kaedah kuliah untuk kumpulan kawalan.

1.11.7 Profesionalisme

Hoyle (2001) pula menakrifkan profesionalisme berkaitan dengan peningkatan dalam kualiti perkhidmatan dan bukannya peningkatan status. Tichenor dan Tichenor (2005) menyatakan bahawa profesionalisme guru ini dipamerkan melalui banyak cara merangkumi sikap dan tingkah laku. Wilkins (2011) pula menyatakan profesionalisme ialah watak guru merujuk kepada sifat peribadi seperti kesabaran, kesungguhan, keberanian, dan rasa hormat kepada pelajar. Oleh itu, profesionalisme dalam kajian ini ialah personaliti, sahsiah dan kepimpinan yang ditunjukkan ketika menjalani intervensi melalui Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dalam kumpulan rawatan dan melalui kaedah secara kuliah kepada kumpulan kawalan.

1.11.8 Guru pra perkhidmatan

Guru pra perkhidmatan didefinisikan sebagai pelajar yang menuntut di Institut Pendidikan Guru Malaysia atau di Institut Pendidikan Tinggi Awam atau Swasta yang mengikuti kursus pendidikan. Guru pra perkhidmatan di dalam kajian ini menjurus kepada pelajar semester 8 yang telah menjalani latihan praktikum di sekolah. Setelah selesai latihan praktikum di sekolah mereka kembali semula ke Institut Pendidikan Guru Malaysia atau di Institut Pendidikan Tinggi Awam atau Swasta untuk membuat pembentangan seminar refleksi berkaitan dengan hasil kajian semasa latihan praktikum.





1.11.9 Kumpulan Rawatan

Kumpulan rawatan merupakan suatu kumpulan yang dijadikan bahan kajian bagi melihat keberkesanan sesuatu kaedah atau konsep yang baharu berbanding dengan kaedah atau konsep yang lama (Trundle & Bell, 2010). Merujuk kepada kajian yang dijalankan ini, kumpulan rawatan terdiri daripada guru pra perkhidmatan semester 8 yang telah menjalani latihan praktikum yang dipilih sebagai subjek bagi menguji tahap keberkesanan pembelajaran menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP).

1.11.10 Kumpulan Kawalan

Kumpulan kawalan adalah kumpulan yang menerima kesan *placebo* (*placebo effect*) (Orne, 2009). Kumpulan kawalan ini berfungsi bagi memastikan setiap kesan yang berlaku disebabkan intervensi yang diberikan kepada kumpulan rawatan, sebaliknya bukan disebabkan oleh faktor-faktor lain (Mackay & Neill, 2010). Di dalam kajian ini, kaedah pengajaran secara kuliah berfungsi sebagai (*placebo*) kepada subjek guru pra perkhidmatan dalam kumpulan kawalan. Tiada sebarang rawatan diberikan kepada sampel pelajar dalam kumpulan kawalan ini.





1.12 Rumusan

Pelaksanaan kaedah menggunakan Modul Pembentukan Amalan Profesionalisme (MPAP) dalam bidang pendidikan mampu memberi kesan yang positif sekiranya dimanfaatkan oleh guru pra perkhidmatan dan pensyarah dengan sebaiknya, terutama untuk guru pra perkhidmatan yang telah menjalani latihan praktikum. Hal ini demikian, fungsi dan aplikasi kaedah pengajaran ini yang menarik akan membantu guru pra perhidmatan ini untuk mendalamai tentang amalan profesionalisme dengan lebih mendalam lagi.

Selain itu, pelaksanaan kaedah seperti ini merupakan petanda berlakunya perkembangan yang baik dalam sistem pendidikan. Selain itu, pelaksanaan konsep pembelajaran ini akan memberi kemudahan kepada guru pra perkhidmatan untuk menyahut saranan kerajaan dalam mengetengahkan konsep pembelajaran sepanjang hayat. Justeru, kaedah pengajaran menggunakan Modul mempunyai kelebihannya yang tersendiri dan wajar diimplementasikan dalam sistem pendidikan negara dalam usaha meningkatkan roh kelestarian guru dalam profesion keguruan.

